

Bicara ahli perniagaan dituduh cederakan Dr. Mahathir, 11 Mac

KOTA BHARU 22 Nov. - Mahkamah Majistret di sini hari ini menetapkan 11 hingga 15 Mac depan bagi mendengar perbicaraan seorang ahli perniagaan yang dituduh menyebabkan kecederaan ke atas bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan tiga yang lain.

Datuk Nik Sapeia Nik Yusof, 53, dituduh menyebabkan kecederaan tersebut dengan menyembur bahan berbahaya di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa di sini kira-kira pukul 11 pagi, 28 Julai lalu.

Dia yang ditemani isteri, ahli keluarga dan rakan-rakan tiba di pekarangan mahkamah kira-kira pukul 9.20 pagi dengan menaiki sebuah limosin berwarna hitam.

Majistret Azman Mustapha menetapkan tarikh itu setelah pihak pendakwa memaklumkan bahawa Jabatan Peguam Negara

Um- 23/11/2006
telah menolak surat representasi yang dihantar oleh peguam bela, Zainal Abidin Mustafa pada 9 Oktober lalu.

Timbalan Pendakwa Raya, Khairul Anuar Wahab berkata, penolakan tersebut dimaklumkan kepadanya oleh pihak jabatan itu melalui telefon dua hari lalu dan surat rasmi akan dihantar kepada peguam tidak lama lagi.

Sehubungan itu, Khairul Anuar memohon untuk meneruskan perbicaraan kes tersebut.

Surat representasi itu bertujuan meminta Jabatan Peguam Negara mengkaji semula pendakwaan yang dikenakan terhadap tertuduh.

Dalam pada itu, Zainal Abidin memaklumkan pihaknya akan membuat permohonan supaya perbicaraan dipindahkan ke Mahkamah Tinggi di sini memandangkan kes itu melibatkan orang kenamaan.